


Program Book Review JAS



TERHAD

Buku **Prosedur Operasi Standard (Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015) Penguatkuasaan EIA** diterbitkan oleh **Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia** bagi mewujudkan prosedur yang menyeluruh dan terkini kearah menyelaraskan, penyeragaman, ketelusan kerja, integriti dan keberkesanan dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas semua projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 atau Perintah EIA 2015. Ianya menjadi panduan khusus kepada semua pegawai penguatkuasa JAS yang menjalankan Penguatkuasaan EIA.

Berdasarkan pengalaman dalam penguatkuasaan EIA beberapa kesalahan sering dilakukan oleh penggerak projek, antaranya menjalankan aktiviti yang ditetapkan, tanpa Kelulusan EIA dan gagal mematuhi syarat EIA. Langkah penting dalam menjalankan penguatkuasaan EIA adalah melalui perancangan dan penyediaan Sasaran Program Tahunan serta penguatkuasaan EIA berjadual. Pemantapan penguatkuasaan EIA boleh dicapai dengan memberi keutamaan kepada program penguatkuasaan EIA secara komprehensif, dilaksanakan dilapangan dan desktop, penguatkuasaan EIA hanya di peringkat kerja tanah dan pembinaan sahaja melalui program penguatkuasaan dan jadual siasatan yang berkala.

Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard Penguatkuasaan EIA ini, adalah keperluan di bawah MS ISO 9001:2015. Dalam menjalankan penguatkuasaan EIA, keutamaan hendaklah diberikan kepada program-program penguatkuasaan EIA secara komprehensif, fokus, pengurusan mikro dan berkesan. Penguatkuasaan EIA juga hendaklah memberi tumpuan kepada komitmen pelaksanaan GSR dengan membudayakan dan menerapkan tujuh elemen Environmental Mainstreaming Tool (EMT) yang mesti dilaksanakan sepenuhnya oleh penggerak projek.

Zaleha binti Abdullah
za@doe.gov.my
JAS Negeri Terengganu